



**MINIT MESYUARAT KHAS
KESATUAN KAKITANGAN AM
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (KURNIA)
SESI 2008-2010**

Tarikh : 26hb Jun 2009/Jumaat
Masa : 3.00 petang
Tempat : Pejabat KURNIA

HADIR

- | | |
|--------------------------------------|---------------------|
| 1. Muhammad Shahrir bin Muhd Shariff | Presiden |
| 2. Mohd Yazid bin Ahmad | Naib Presiden |
| 3. Saupi Azran Muhamad Tamjis | Setiausaha |
| 4. Norasita binti Haji Zainal | Penolong Setiausaha |
| 5. Tuan Haji Mokhtar bin Ahmad | Bendahari |
| 6. Khalid bin Muhammad | AJK |
| 7. Abdul Malek bin Johari | AJK |
| 8. Rahida binti Abdul Razak | AJK |
| 12. Mohamad Zaini bin Mohamad | AJK |
| 13. Yusni bin Yusop | AJK |
| 14. Shamsul bin Paris | AJK |

TIDAK HADIR BERSEBAB

- | | |
|-----------------------------------|-----|
| 1. Azman bin Asri | AJK |
| 2. Rafidah binti Che Ros | AJK |
| 3. Ezan Rohana binti Zamri | AJK |
| 4. Shahrul Zaman bin Abdul Rahman | AJK |

NO	AGENDA	TINDAKAN
1	<p>Ucapan Pengerusi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah. - Memulakan mesyuarat dengan sedikit taklimat. 	
2	<p>Perkara-Perkara Berbangkit</p> <p>2.1 <u>Lanjutan daripada Bengkel Pemantapan Pengurusan dan Kepimpinan</u></p> <p>Saudara Setiausaha telah memberikan sedikit penerangan lanjutan daripada Bengkel Pemantapan Pengurusan dan Kepimpinan kepada ahli-ahli mesyuarat, antara lain menyebutkan seperti butiran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Presiden GAKUM telah menyarankan kepada semua IPTA untuk mengwar-warkan kepada sesiapa yang telah melebihi 15 tahun berkhidmat hendaklah menghantar nama kepada pihak KURNIA. (ii) Saudara Setiausaha juga mencadangkan agar pihak KURNIA mengwar-warkan maklumat tersebut melalui laman sesawang KURNIA dan ia hanya terbuka kepada ahli-ahli KURNIA sahaja. <p>2.2 <u>Mesyuarat GAKUM dan Seminar</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Pihak GAKUM telah melantik KURNIA UIAM untuk menjadi tuan rumah kepada mesyuarat GAKUM yang dijangka akan diadakan bulan Ogos sebelum bulan Ramadhan. (ii) Saudara Setiausaha memberi cadangan agar mesyuarat GAKUM hanya akan diadakan satu sahaja dan dua hari akan diadakan seminar yang dicadangkan diadakan di dalam kampus induk UIAM Gombak, bagi memperkenalkan 'Taman Ilmu dan Budi' kepada kesatuan-kesatuan lain. Tempat tinggal akan diusahakan di Mahallah Ruqqayyah. (iii) Saudara Abd. Jalil Abd. Wahab dan juga Saudara Ruslan Zainal adalah nama-nama yang dicadangkan untuk membentangkan kertaskerja pada seminar tersebut dengan memfokuskan tajuk 'Buruh Islam', 'Integriti' dan 'Mengawal Masa' (iv) Dua cadangan tarikh yang telah dipersetujui cuma menunggu jawapan dan kelulusan daripada pihak CEUPACS dan GAKUM. Tarikh cadangan tersebut ialah minggu pertama bulan Ogos iaitu 3-5 Ogos 2009 atau minggu ketiga iaitu 10-13 Ogos 2009. 	

2.3 Seminar Kebangsaan Anjuran GAKUM Dengan Kerjasama KPT

- (i) Presiden GAKUM telah mengwarkan bahawa GAKUM dengan kerjasama pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah bersetuju untuk mengadakan Seminar Kebangsaan yang akan diadakan pada 27 Oktober 2009 bertempat di PJ Hilton Hotel.
- (ii) Dimaklumkan juga bahawa semua IPTA akan terlibat secara langsung dalam menjayakan julung-julung kalinya seminar kebangsaan ini. Pihak KURNIA UIAM telah dilantik untuk mengendalikan pendaftaran para peserta. Peserta seminar adalah terdiri daripada kakitangan akademik dan juga kesatuan di Malaysia.

2.4 Mesyuarat Agung Kesatuan (AGM13)

- (i) Ahli Jawatankuasa telah bersetuju untuk mengadakan AGM Ke-13 pada kali ini pada 29hb Julai 2009 bertempat di Dewan Besar UIAM, Gombak bermula 8.30 pagi.
- (ii) AJK juga bersetuju untuk mendapatkan Prof. Dato' Sri. Syed Arabi Idid selaku Rektor UIAM untuk merasmikan AGM Ke-13 kali ini. Dan juga turut menjemput Tuan Haji Omar Hj. Osman sebagai tetamu khas.
- (iii) AJK juga bersetuju untuk mendapatkan jaket/blazer untuk menggantikan jaket/blazer yang telah lama.

Berikut adalah untaian kerjasama yang perlu daripada semua AJK.

Bil.	Perkara-Perkara Yang Perlu Dibuat oleh AJK	Tindakan Oleh:
1.	Surat jemputan kepada ahli-ahli hendaklah dikeluarkan sebelum atau pada 29hb Jun 2009	Setiausaha/Penolong Setiausaha
2.	(i) Surat jemputan kepada Tuan Haji Omar Hj. Osman. (ii) Surat jemputan kepada Rektor UIAMS	Setiausaha/Penolong Setiausaha
3.	Cendarahati	Bendahari
4.	Banner (4 keping)	Setiausaha
5.	Laporan Tahunan	Naib Presiden/ Setiausaha/Penolong Setiausaha/Bendahari
6.	Mencetak buku Undang-Undang Kecil KURNIA	Bendahari
7.	Memuat turunkan di laman sesawang KURNIA	Sdr. Yusni Yusop
8.	Persediaan Audio Visual	Sdr. Mohd. Zaini Mohamad

9.	Persediaan Tempat (Auditorium Besar)	Penolong Setiausaha
10.	Juruacara Majlis	Naib Presiden
11.	Bacaan al-Qur'an	Setiausaha
12.	'Grand Chart'	Sdr. Yusni Yusof
13.	Letterhead, Envelop	Bendahari

2.5 Perjumpaan Dengan Menteri Pengajian Tinggi (KPT)-22 Jun 2009

- (i) Tuan Presiden telah memberikan maklumat lanjutan daripada perjumpaan dengan Menteri Pengajian Tinggi yang telah dihadiri oleh Presiden sendiri, Naib Presiden dan Setiausaha seperti mana usul yang telah dibawa oleh pihak KURNIA UIAM tentang isu pencen yang dituntut oleh kakitangan UIAM kepada pelbagai pihak yang bertanggungjawab.
- (ii) Pihak Menteri telah menyatakan bahawa pihak KURNIA UIAM hendaklah mengadakan mesyuarat yang lain bersama beliau yang hanya berbincang khusus tentang isu pencen ke atas tuntutan kakitangan UIAM. Dengan menyatakan tujuan serta kertas cadangan terhadap skim pencen tersebut.

3

Ucapan penangguhan

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua AJK yang hadir dan berharap semuanya dapat menjalankan tugas masing-masing serta dapat memberi kan kerjasama yang sebaik mungkin.

Disediakan Oleh:

.....

Norasita Hj. Zainal
Penolong Setiausaha

Disahkan Oleh:

.....

Muhammd Shahrir Muhammad Shariff
Presiden